

**Suhakam: Panel khas Parlimen perlu fokus kepada kebebasan media**  
**The Malaysian Insider**  
**18 Ogos, 2011**  
**Oleh Syed Mu'az Syed Putra**

KUALA LUMPUR, 18 Ogos — Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) mahu jawatankuasa pilihan khas Parlimen mengenai pilihan raya turut memberi fokus kepada kebebasan media yang dilihat tidak memberikan keadilan kepada pembangkang.

Jelas pengerusinya Tan Sri Hasmy Agam, selain beberapa perkara lain kebebasan media juga perlu diberikan tumpuan agar ia adil kepada semua parti-parti politik.

Kata beliau, pihaknya pernah mengemukakan laporan mengenai pilihan raya bebas dan adil termasuk mencadangkan akses media yang adil, tempoh berkempen yang lebih panjang dan pendaftaran secara automatik kepada semua pengundi yang layak.

"Ia berharap agar jawatankuasa pilihan ini akan diberi masa yang mencukupi untuk membincangkan banyak kebimbangan yang telah dinyatakan oleh pelbagai kumpulan dan akan mengemukakan syor-syor bagi satu reformasi dalam sistem pilihan raya pada persidangan Parlimen dan sebelum pilihan raya umum yang akan datang.

"Berkaitan dengan kepentingan adanya pilihan raya yang bebas dan adil, suruhanjaya juga ingin mengulangi semula saranan untuk mengkaji semula undang-undang sedia ada berhubung dengan media yang menyekat kebebasan bersuara terutama sekali Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Hasmy, kerajaan perlu memberi kebebasan kepada media dengan tidak mengikat agensi-agensi media di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan.

"Dalam menegakkan ketelusan dan kebertanggungjawaban serta memastikan sekatan danimbangan, suruhanjaya juga telah mengesyorkan agar majlis kawal selia sendiri media yang bukan sahaja akan memastikan kebebasan media tetapi juga memastikan kewartawanan yang beretika dan bertanggungjawab," katanya.

Beliau juga mahu kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa lain untuk mengkaji perkara-perkara berkaitan dengan hak asasi manusia.

"Ia sebagai langkah tambahan dalam menegakkan hak rakyat, dan dengan itu meningkatkan lagi sistem demokrasi Parlimen di negara ini," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebelum ini mengumumkan penubuhan jawatankuasa pilihan khas Parlimen mengenai pembaharuan pilihan raya dalam masa terdekat bagi mengelakkan sebarang syak-wasangka wujudnya manipulasi oleh kerajaan.

Najib berkata, panel itu yang akan dianggotai oleh wakil parti kerajaan dan pembangkang akan membincangkan apa yang perlu dilakukan untuk mendapatkan kata sepakat ke arah itu.

Jawatankuasa itu akan dianggotai sembilan wakil rakyat iaitu lima daripada parti kerajaan, tiga pembangkang dan satu Bebas.

Satu usul mengenai pembentukan jawatankuasa itu akan dibentangkan ketika sidang Parlimen Oktober ini.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/suhakam-panel-khas-parlimen-perlu-fokus-kepada-kebebasan-media/>